

DR. M. BERJAYA KENDURKAN KETEGANGAN DI UM 27 JUN 1987 SIDANG DADAH

to cover.

VIENNA 26 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berjaya menjalani ujian sebagai Presiden

Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah apabila dapat mengawal keadaan dalam sidang pleno kelmarin ketika timbul kontroversi terhadap kehadiran wakil Israel dan Kampuchea.

Tindakan segera secara berdiplomasi Perdana Menteri mengelakkan isu itu berpanjangan telah mendapat penghargaan dan pujian bukan sahaja dari para perwakilan malah juga para pemerhati dan Setiausaha Persidangan, Puan Tamar Oppenheimer. Dalam satu tinjauan Utusan Malaysia sebahagian besar mereka berpendapat kemampuan Datuk Sri Dr. Mahathir mengendalikan persidangan antarabangsa yang besar dengan tegas dan licin telah menjadi faktor yang memamatkan kontroversi itu. Isu keahlian Israel dan Kampuchea dalam persidangan itu timbul

Dari Sidek Salleh

dalam sidang pleno kelmarin ketika ia sedang membincangkan untuk meluluskan agenda 3(EII) laporan jawatankuasa tauliah yang dibentangkan oleh setiausaha jawatankuasa berkenaan Encik Alexander Borg-Olivier.

Kontroversi ini bermula bila ketua perwakilan India Encik Brahm Dutt yang membahaskan laporan jawatankuasa tauliah telah mempertikaikan kehadiran perwakilan Kampuchea di persidangan itu. Kemudian timbul pula wakil Arab Saudi, Encik Ibrahim Mohammed Al Awaji yang mewakili 16 buah negara Arab lain membangkitkan kehadiran Israel di dalam persidangan itu yang mana mereka berpendapat bahawa ia telah melanggar dan tidak menurut piagam badan dunia Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu. Kumpulan negara - negara Arab itu juga merasa hairan kenapa pandangan mereka

melalui sepucuk surat kepada sekretariat persidangan tidak dimasukkan ke dalam laporan jawatankuasa tauliah itu.

Sebaliknya, penasihat undang - undang dan setiausaha jawatankuasa itu, Encik Borg — Olivier memberitahu bahawa mereka telah menerima surat itu dan diedarkan kepada perwakilan tetapi tidak membincangkan masalah itu di dalam mesyuarat jawatankuasa tauliah kelmarin. Bagaimanapun, Perdana Menteri selaku presiden persidangan lantas memberitahu sidang pleno bahawa beliau akan mengambil perhatian dan tidak menjadi masalah untuk memasukkan cadangan Arab Saudi itu untuk dimasukkan ke dalam

LIHAT MUKA 6

DR.M BERJAYA KENDURKAN KETEGANGAN

JUM. 27 JUN 1987

laporan jawatankuasa itu. Libya pula tidak puas hati dan meminta presiden persidangan memastikan pihak sekretariat mengambil perhatian penuh dalam soal ini. Iraq turut mengambil bahagian dan mempersoalkan pula kedudukan Iran dalam hal ini di samping mempertikaikan kehadiran Israel. Iraq dan Iran yang sedang bersengketa itu berpendapat bahawa cadangan mereka tidak dimasukkan secara rasmi di dalam laporan jawatankuasa tauliah, tetapi pihak sekretariat memberitahu mereka tidak menerima sebarang surat dari negara berkenaan. Wakil Iran Encik Mohammad Sadr lantas bangun tanpa menyambut komen Iraq ke atas negaranya turut menyokong negara - negara Arab lain mengenai kedudukan Israel. Tetapi, mujur pihak Israel tidak membuat sebarang jawapan, sebaliknya mengambil sikap membisu dalam soal ini. Perang mulut terus berlaku hingga menghangatkan lagi sidang pleno itu bila wakil Kampuchea, Encik Ngo Hac Team pula bangun dan terus membuat komen bantahan ke atas India yang mempersoalkan kehadiran negaranya ke persidangan itu sambil mendakwa bahawa India sebagai Presiden Pertubuhan Negara - Negara Berkecuali yang mana Kampuchea salah seorang anggota tidak sepatutnya menimbulkan perkara itu. India sekali lagi bangun dan memperbetulkan kenyataan

wakil Kampuchea bahawa negaranya bukan Presiden Pertubuhan Negara - Negara Berkecuali dan negara - negara blok komunis yang menyokongnya terus mengetuk - ngetuk meja. Pihak Kampuchea terus mempertikaikan kedudukan Vietnam dan dalam masa itu timbul pula perbalahan politik antara kedua negara Indo-China itu. Vietnam mendakwa bahawa kerajaan campuran Kampuchea tidak layak hadir di dalam sidang ini kerana ia tidak mewakili rakyatnya di dalam persidangan tersebut. Wakil China pula bangun dan menyatakan kesalnya bahawa wakil Vietnam telah mengambil kesempatan di dalam persidangan ini dengan membuat berbagai dakwaan untuk menarik dunia supaya menyokong kerajaannya. Wakil itu berpendapat bahawa masalah ini tidak harus ditimbulkan di dalam persidangan yang penting ini. Walaupun Datuk Sri Dr. Mahathir memberi peluang kepada negara - negara membahaskan isu laporan jawatankuasa itu, tetapi beliau terus mengingatkan mereka supaya tidak memanjangkan perkara ini dan meminta supaya ditumpukan persidangan ini kepada perkara pokok iaitu soal penyalahgunaan dan pengedaran dadah dan kerjasama antarabangsa dalam membanteras kegiatan ini. Dalam hubungan ini, semua negara yang berbalah tidak meneruskan isu itu yang berlanjutan lebih sejam dan sidang pleno kemudiannya

meluluskan laporan jawatankuasa itu. Tidak kedengaran suara - suara dari negara - negara Afrika - Amerika Syarikat, Soviet Union dan negara - negara Eropah lain yang mungkin isu tersebut berpanjangan lagi. Lazimnya di dalam sebarang persidangan Bangsa - Bangsa Bersatu soal laporan jawatankuasa tauliah selalunya menimbulkan kontroversi oleh beberapa negara ke atas negara - negara lain dan ini menjadi saat genting kepada sesiapa sahaja yang menjadi pengerusi persidangan. Setiausaha agung persidangan tersebut, Puan Tamar Oppenheimer dalam komen ringkasnya berkata, "Datuk Sri Dr. Mahathir adalah seorang yang mempunyai ketokohan dan disegani oleh perwakilan yang hadir di dalam sidang ini dan nampaknya beliau mengendalikan sidang ini dengan licin dan lancar tanpa timbul kata-kata yang kesat dan kasar dari mereka yang berbalah. "Presiden persidangan telah mengendalikan sidang ini dengan penuh kepakaran dan ini bukan sahaja menggembirakan saya tapi seluruh perwakilan yang mana mereka dapat meluluskan setiap agenda persidangan ini dengan licin. Keupayaan beliau mengendalikan sidang ini begitu penting dan membanggakan kami." Beliau menambah lagi, sidang ini bukan sahaja mempunyai mutu yang tinggi, begitu serius tetapi memperlihatkan ketokohan dan imej Datuk Sri Dr. Mahathir selaku presiden mengendalikan sidang ini.